

Headline Joanne kejar impian
Date 28. Aug 2008
Media Title Berita Harian
Section Hip
Circulation 217920
Readership 2083000

Language MALAY
Page No 8
Article Size 859 cm²
Frequency Daily
Color Full Color
AdValue 15208.67



Eksstra Feminin
 Oleh Nor Affizar Ibrahim
 affizar@bharian.com.my

BERTUBUH langsing dan tinggi lampai. Dengan bentuk tubuh seperti itu penampilannya memang cukup menarik apatah lagi apabila mengenakan gaun malam yang membuatkan beliau tampak lebih anggun, sekali gus cocok dengan karakter dan personaliti yang dibawanya.

Iulah antara daya tarikan yang ada pada penggesek biola, Joanne Yeoh. Namun, bakatnya menggesek biola sehingga berjaya mencuri tumpuan, memukau dan mempesona sesiapa mendengarnya adalah keistimewaan yang begitu terselar dimilikinya. Justeru, tidak hairanlah jika Yeoh adalah antara pemain biola wanita Malaysia yang cukup dikenali hari ini.

Dilahirkan pada 1977, Yeoh yang mula bermain biola sejak berusia lapan tahun sejawarnya berasa bangga kerana sudah membuat persembahan di sekurang-kurangnya lebih 50 negara di seluruh dunia. Bahkan, kerjayanya dalam seni turut membawa beliau bertemu ramai pemimpin terkenal di dalam dan luar negara.

Beliau pernah mengingini persembahan penyanyi terkenal Hong Kong, Jacky Cheung, dalam penjelajahan Music Odysseys World Tour 2002 membabitkan lebih 40 konsert di seluruh dunia. Pada 2003, Yeoh berkongsi pentas persembahan bersama penyanyi popular R&B Taiwan, David Tao.

Yeoh juga sudah beberapa kali membuat persembahan konsert solo di Malaysia antaranya Tantalizing Techno pada 2001, Pulse of The Metropolis (2006) dan Strictly Classical (2006).

Selain gigih mengem-

Joanne kejar impian

Bercita-cita buka syarikat perunding muzik

bangkan bakatnya sebagai penggesek biola, Yeoh adalah pensyarah sepenuh masa di Jabatan Muzik di Universiti Putra Malaysia di Serdang. Pada masa sama, beliau juga mengajar piano dan biola di rumah. Biarpun sibuk dan sering diburu masa, Yeoh sentiasa bertentangan dan mampu memukau hadirin apabila setiap kali membuat persembahan.

"Muzik adalah sesuatu yang saya suka dan tidak pernah padam dalam jiwa saya. Saya membuat sesuatu yang diminati dan tidak pernah menganggapnya sebagai kerja. Setiap kali gesekan biola mula berirama, ia bagaikan memberikan ketenangan dan ini juga memberikan kekuatan dalam diri untuk terus menggesek alat muzik kesayangan saya itu," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Bermula dengan bermain piano sejak usia empat tahun, Yeoh akhirnya mendapat jiwanya begitu akrab dengan biola, lalu tidak hairanlah sehingga ke hari ini minatnya terhadap biola tidak pernah pudar. Baginya, walaupun biola amat mudah mengejarkan bunyi, hakikatnya ia adalah antara alat muzik yang sukar dipelajari apatah lagi untuk memahirkannya dan menguasai gesekan yang menghasilkan irama

menyenut kalbu.

"Sewaktu kecil, seperti kanak-kanak lain saya mempunyai banyak cita-cita termasuklah menjadi polis kerana ketika itu saya banyak membaca buku cerita mengejutkan detektif. Tetapi dengan peredaran masa dan peningkatan kematangan, saya semakin tahu arah tuju yang ingin dicari dan sebab itulah saya melanjutkan pelajaran dalam bidang seni," katanya.

Yeoh mengasah bakat bermain biola klasikal di United Kingdom. Pernah Sarjana Muda Sastera daripada Middlesex University, Britain dengan dua penghususan utama dalam biola dan piano itu kemudian melanjutkan pelajaran di Leeds University. Sekembalinya ke Malaysia pada 1999, beliau ditawar menjadi pensyarah di universiti.

Kecemerlangan ditunjukkan Yeoh sebagai pemain biola turut melayakkannya menerima beberapa anugerah dan penghargaan. Antaranya Martel Rising Personality Award 2008 dan menjadi panel pemeriksa Trinity Guildhall London, sekali gus menjadi rakyat Malaysia dan Asia pertama memiliki tanggungjawab itu. Anugerah lain ialah Anugerah Platinum Hospitaliti Asia (2003) dan Anugerah The Out Standing Young Malaysian 2004.

Ditanya tidakkah beliau berhasrat berhijrah ke luar negara untuk mencipta nama sebagai pemain biola profesional yang mampu memberinya lebih ruang untuk menjadi masyhur pada peringkat antarabangsa, akuiinya, sehingga kini tidak terlintas di dalam fikiran untuk berbuat demikian.

"Bagi saya walaupun berhijrah ke luar negara menjenjangkan masa depan yang lebih cerah, saya tetap ingin meneruskan kerjaya sebagai pemuzik di negara ini. Saya cintakan

Malaysia dan tidak mungkin akan berhijrah hanya semata-mata ingin mencipta nama. Saya juga percaya walaupun tidak ramai, kini sudah ada masyarakat di negara ini yang mula menyantuni seni muzik," katanya.

Cinta Yeoh terhadap muzik sememangnya begitu sebatи dan kerana itulah beliau juga sanggup melaburkan wang berpuluhan ribu ringgit bagi menghasilkan album sendiri berjudul *Pulse of The Metropolis* yang dilancarkan tiga tahun lalu. Album itu mengandungi sembilan lagu Inggeris dan satu lagu Melayu yang diciptanya sendiri. Semua itu dilakukan bagi memenuhi kepuasan diri sebagai pemuzik serta insani.

Mengenai perancangan masa depan, Yeoh berazam untuk membuka syarikat perunding muzik yang boleh memberi nashiat mengenai muzik sesuai dan diperlukan untuk mengadakan sesuatu acara

atau majlis, di samping menyediakan pelbagai perkhidmatan berkaitan dengan muzik.

Bagi memenuhi cita-cita itu, beliau kini melanjutkan pelajaran pada peringkat kedoktoran di Heriot Watt University di Edinburgh di United Kingdom dan sedang sibuk menyiapkan penyelidikan tesis yang sudah pun hampir 70 peratus siap.

“Muzik adalah sesuatu yang saya suka dan tidak pernah padam dalam jiwa. Saya membuat sesuatu yang diminati dan tidak pernah menganggapnya sebagai kerja”

Joanne Yeoh
Pemuzik



MENGASYIKAN:
Jiwa Yeoh sebatи dengan alunan gesekan biola.



JOANNE Yeoh, anak sulung dalam dua adik-beradik mencerahkan cinta dan kejayaannya terhadap muzik kepada ibu, Esther Chuan yang menjadi 'guru' pertama mengajarnya bermain piano. Beliau mengakui, dengan galakan dan tunjuk ajar ibu, dirinya berjaya hingga ke tahap itu.

Sejak empat tahun lalu, ibunya jugalah yang menjadi pengurus dan mengatur segala jadual persembahan. Justeru, tidak hairanlah hubungan Yeoh dengan ibu semakin rapat kerana sentiasa menemaninya membuat persembahan.

"Ibu juga boleh bermain piano dan dia adalah yang banyak memberi galakan dan mengenal pasti bakat saya dalam bidang muzik. Ketika usia empat tahun, saya juga diantar belajar menari balet, tetapi berhenti kerana tidak berminat. Lalu, ibu menghantar saya belajar piano. Menyedari bakat saya, ibu turut menasihatkan agar belajar biola kerana jika hendak melanjutkan pelajaran dalam bidang seni muzik di luar negara, saya mestilah boleh bermain sekurang-kurangnya dua alat muzik."

"Dari awal hingga kini, ibu sentiasa memberi sokongan, malah adik perempuan saya, Yeoh Pei Ann turut mengikut jejak saya mengikuti kursus seni muzik. Itu pun atas dorongan ibu," katanya.

Mengenai keistimewaan biola dan mengapa memiliki alat muzik itu, Yeoh berkata, apabila menggesek ia diibaratkan sebagai suara manusia yang berbicara. Oleh sebab itulah setiap kali memainkannya ia perlu datang daripada jiwa yang tulus ikhlas. Selain itu, beliau turut berasakan, alat muzik itu begitu fleksibel dan setiap kali digesek ia akan meluahkan perasaan berbeza. .

Pada masa ini, Yeoh mem-

punyai dua koleksi biola yang menjadi 'tangkai jiwanya' iaitu biola elektrik bernilai RM20,000 dan biola akuastik yang mencecah harga RM60,000. Katanya, biola akuastik menghasilkan melodi syahdu yang membantikkitan perasaan, tetapi biola elektrik tidak kurang keistimewaanannya kerana apabila irama kontemporari dan pop dimainkan, ia tetap menghiburkan.

"Harga sebuah biola memang mahal dan sebab itulah saya tidak kerap menukarinya. Bagi saya memiliki biola samalah seperti memiliki teman untuk seumur hidup," katanya.

Ibu pendorong utama

KASIH IBU: Esther selalu memberi dorongan kepada Yeoh.

MUNIRA ABDUL GHANI / BERITA HARIAN

"Ibu juga boleh bermain piano dan dia adalah yang banyak memberi galakan dan mengenal pasti bakat saya dalam bidang muzik. Ketika usia empat tahun, saya juga diantar belajar menari balet, tetapi berhenti kerana tidak berminat. Lalu, ibu menghantar saya belajar piano. Menyedari bakat saya, ibu turut menasihatkan agar belajar biola kerana jika hendak melanjutkan pelajaran dalam bidang seni muzik di luar negara, saya mestilah boleh bermain sekurang-kurangnya dua alat muzik."

"Dari awal hingga kini, ibu sentiasa memberi sokongan,